

28/11/1998

Pemimpin Amerika 'tidak faham' Malaysia

SIDANG Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur baru-baru ini, walaupun tidak berjaya sepenuhnya, namun berhasil membincangkan masalah ekonomi yang dihadapi di rantau ini khususnya dan dunia umumnya.

Satu faktor penting persidangan itu berjalan lancar dan menepati maksudnya. Pada umumnya setiap perwakilan tidak mencampuradukkan isu politik di dalam persidangan itu, melainkan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore dan Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright.

Al Gore membuat ucapan pada majlis jamuan meraikan sidang perwakilan menyatakan sokongannya terhadap gerakan reformasi. Selepas berucap, beliau meninggalkan majlis itu.

Ditakdirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membalas ucapan Gore itu, dalam majlis itu, sudah barang tentu, seluruh persidangan Apec akan bertukar coraknya menjadi suatu forum politik.

Maka jadilah Apec suatu persidangan yang mengutamakan isu politik dan sebaliknya membelakangkan isu ekonomi yang menjadi tugasnya yang utama. Maka akan kecewa berjuta-juta rakyat yang diwakili oleh perwakilan itu untuk mendapat petunjuk dan arah serta hala tuju betapa kerumitan ekonomi yang melanda dunia sekarang dapat diatasi.

Sebelum persidangan itu dimulakan, ingatan demi ingatan dinyatakan oleh penganjur supaya tidak menimbulkan isu politik dalam persidangan itu yang khusus untuk membincangkan isu ekonomi.

Malangnya Gore dan Albright mengejutkan persidangan itu dengan menimbulkan isu hak asasi manusia dengan Gore pula membela gerakan 'reformasi'.

Gore menerima kecaman keras daripada sesetengah perwakilan kerana membuat ucapan yang mengaibkan tuan rumah serta rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia begitu marah terhadap perbuatannya itu yang dianggap biadab dan kurang ajar. Beliau dikutuk kerana mencampuri urusan hal ehwal dalaman sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang menjadi tuan rumah persidangan yang mana beliau dan Albright menjadi tetamu. Adalah sesuatu yang biadab untuk seorang tetamu mengecam tuan rumah.

Duta Amerika di Malaysia, John R Mallot dalam satu temuramah dengan sebuah akhbar tempatan menyatakan bahawa Gore didorong oleh persahabatannya dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk 'berkata sesuatu' dan Gore menganggap majlis jamuan itu adalah satu 'kesempatan' untuk meluahkan isi hatinya.

Tetapi adakah ia patut dilakukan dengan cara yang biadab seperti yang dilakukan oleh Gore dalam majlis jamuan itu? Malott juga berkata 'mesej' yang hendak disampaikan oleh Gore ialah berkenaan isu demokrasi.

Malott memberikan tafsirannya sendiri mengenai demokrasi. Menurut Malott, demokrasi bukan sahaja bererti pilihan raya umum.

Diktator Soviet Union, Stalin, dahulu juga mengadakan pilihan raya umum, kata Malott. Hitler juga mengadakan pilihan raya umum, Duta Amerika itu menambah.

Tetapi Malott lupa menjelaskan bahawa pilihan raya umum dalam zaman Stalin dahulu hanya ditandingi oleh parti komunis sahaja dan calon yang menang hanya calon parti Stalin sahaja. Demikian juga dalam zaman Hitler di Jerman maka calon yang bertanding hanya calon parti Nazi sahaja.

Malott lupa menyebut bahawa baru-baru ini dalam pilihan raya kecil di Arau, Perlis, Barisan Nasional (BN) dikalahkan oleh Pas. Sebelum itu calon

BN dikalahkan oleh DAP dalam pilihan raya kecil di Teluk Intan.

Di Kelantan, Pas dan bukan BN yang menjadi parti pemerintah. Di Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) pernah menjadi parti yang memerintah negeri itu.

Memang benar, demokrasi tidak sekadar bererti mengadakan pilihan raya umum. Tetapi demokrasi juga membawa pengertian bahawa rakyat jelata harus menikmati kebebasan dari kelaparan dan kemiskinan.

Demokrasi juga bererti membebaskan rakyat dari buta huruf; demokrasi juga bererti mempertingkatkan kualiti atau mutu kehidupan rakyat dan demokrasi juga bererti membangunkan suatu bangsa majmuk untuk maju dan berkembang, mempunyai keperibadian dan jati diri, bangga dan megah dengan tarafnya sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Malaysia menolak sistem demokrasi corak Barat selepas kejadian 13 Mei 1969. Kita tidak lagi mengamalkan demokrasi corak Westminster melainkan menyesuaikan demokrasi kita dengan tradisi kita sendiri. Pada kita, demokrasi yang wajar menjadi pegangan kita ialah demokrasi yang bertunjang pada Rukun Negara.

Gore pasti akan kecewa 'mesejnya' tidak memberi bekas kepada rakyat negara ini bukan kerana kita menolak kritik dan teguran orang lain tetapi kerana sikap Gore yang begitu angkuh untuk berkhotbah kepada kita mengenai bagaimana kita harus mengatur dan mengurus kehidupan kita.

Bagaimanakah kita dapat menerima kritiknya yang memperlihatkan kejahilannya mengenai diri kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat? Adakah Gore berani membuat kenyataan itu dalam majlis jamuan negara di China? Adakah dia sanggup membuat kecaman seperti itu di Kremlin?

Malott menyatakan bahawa terdapat lebih 100,000 siswa Malaysia yang lulus dari universiti di merata AS. Sama ada anda menonton Astro atau Mega TV atau menonton program AS, walaupun jarak penerbangan kapal terbang ialah 12 jam, anda akan menyedari betapa rapat AS sebenarnya dengan Malaysia. Tetapi adakah ini bererti kerapatan itu membawa kepada pengertian orang seperti Gore terhadap Malaysia?

Adakah pemimpin AS seperti Gore, malah Clinton sendiri memahami Malaysia? Atau adakah Malott sendiri selama tiga tahun menjadi duta negaranya di Kuala Lumpur mengerti Malaysia? Temuramahnya dengan wartawan Star, Chua Yew Kay tidak sedikitpun membayangkan pengertiannya terhadap negara yang mana dia menjadi duta negaranya. Kalau sekiranya Malott masih tidak mengerti Malaysia, apa lagi Gore dan Albright.

Malott menyatakan bahawa manakala Dr Mahathir mengecam keras pembunuhan rakyat di Bosnia-Herzegovina, tidak siapa yang menuduh Mahathir mencampuri urusan dalam negeri Bosnia. Tetapi Mahathir mengecam kuasa-kuasa Barat terutama AS dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana berpeluk tubuh sahaja terhadap kebuasan penganas Serb melakukan pembersihan etnik terhadap umat Islam di Bosnia. Dr Mahathir tidak mencampuri urusan dalam negeri Bosnia, malah menuntut supaya kuasa-kuasa besar mencampuri dan bertindak terhadap kekejaman yang dilakukan oleh penganas Serb di Bosnia.

Malaysia cuba mempertahankan Bosnia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang diakui oleh PBB tetapi diceroboh oleh Serbia. Tindakan Dr Mahathir tidak sama dengan tindakan Gore mencampuri urusan dalaman negeri kita.

(END)